

## ABSTRAK

Disertasi ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan Kamus Arab-Melayu dan masalah-masalah penggunaan kamus di Sekolah Menengah. Kajian ini dilakukan terhadap 80 orang pelajar dan 7 orang guru bahasa Arab di salah sebuah sekolah kebangsaan agama di Daerah Besut, **Terengganu, Malaysia.** Alat kajian yang digunakan ialah dua set ujian kefahaman yang sama untuk menguji peranan dan masalah penggunaan kamus, satu set soal selidik untuk pelajar dan temubual dengan pelajar, guru dan pentadbir

Hasil kajian ini mendapati penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar menengah atas tidak memuaskan. Begitu juga dengan guru-guru bahasa Arab didapati tidak memanfaatkan sepenuhnya penggunaan kamus. Kamus didapati berguna kepada pelajar bahasa Arab. Ujian kefahaman sebelum dan selepas menggunakan kamus membuktikan peranan kamus amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran pembelajaran bahasa Arab. Pelajar didapati menunjukkan peningkatan keupayaan menjawab soalan-soalan setelah menggunakan kamus.

Maklumat yang dicari oleh pelajar di dalam kamus **Arab-Melayu** ialah makna, sinonim, antonim, homonim, polisem, penggunaan kata dalam konteks diikuti oleh aspek-aspek lain. Pelajar-pelajar tidak merujuk kamus Arab-Melayu untuk mengetahui ejaan. Ujian-ujian kefahaman ini juga dapat mengenal pasti masalah-masalah pelajar dalam merujuk kamus. Mereka menghadapi masalah merujuk kamus kerana tidak pasti kata dasar, kata dasar terlalu banyak makna, dan menjadi keliru dengan bentuk-bentuk perubahan kata dalam

bahasa Arab yang terlalu kompleks dan **amat** berbeza dengan perubahan kata &lam bahasa Melayu

Binaan perkataan Arab yang kompleks menyebabkan pelajar-pelajar sukar menentukan kata dasar dan seterusnya bermasalah untuk mencari sinonim, antonim, polisem, homonim, padanan erti terjemahan, binaan masdar, binaan **jama<sup>c</sup>** taksir dan bermasalah mencari makna **fī<sup>c</sup>l** thulathi mazid. Keseluruhan pelajar bermasalah merujuk kamus walaupun mereka diajar kemahiran tersebut.

## ABSTRACT

The aim of this dissertation is to identify the function of the **Arab–Malay** Dictionary and the problems of dictionary usage in the secondary schools. This study was **carried** out on 80 students and 7 Arabic language teachers in one of the religious schools in Besut district, **Terengganu**, Malaysia

The instrument used was two sets of the same comprehension test to test the role and the problem of using dictionary, a set of questionnaires for students and interviews with students, teachers and the school administrators.

From the study, it was found that the usage of dictionary among secondary school students is not satisfactory. Also the usage of dictionary among teachers of the Arabic language is not satisfactory. The dictionary was found to be useful for Arabic learners. A comprehension test given before and after the usage of dictionary proved that using a dictionary is very important in teaching and learning. Arabic students managed to answer the question better **after** using the dictionary.

Information **sourced** by students in the Arabic-Malay Dictionary are meaning, synonym, antonym, homonym, polyseme, usage of words in contexts followed by other aspects. Students did not refer to a dictionary for the spelling. Other tests also identify students problems in referring the dictionary. They find it a problem to refer to the dictionary as they are unsure of the root words which have various meanings, and they become confused with the changes or differences of words in the Arabic language which are very complex and different from the changes in Malay words.

The complex form of Arabic words made it difficult for students to find the root words. They also found it problematic to find synonyms, antonyms, homonyms, polysems, translation of words and to find the meaning of **fīl mazid**. In general, students find it a problem to refer to the dictionary although they have been taught the skills.